

Caruman KWSP majikan untuk warga emas 4 peratus

→ Pengurangan daripada 6 peratus galak peluang pekerjaan golongan 60 tahun ke atas

Oleh **Ahmad Suhael Adnan**

ahmad.suhael@nstp.com.my

Kuala Lumpur BH 15/12/18

ermula 1 Januari depan,

Ismail, berkata cadangan mengurangkan kadar caruman KWSP itu bagi menggalakkan peluang pekerjaan untuk golongan berumur 60 tahun ke atas.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, rakyat Malaysia berusia antara 61 hingga 65 tahun yang masih produktif dan aktif, dianggarkan bakal mencecah sejuta orang menjelang 2020.

“Potongan cukai tambahan juga dicadangkan diberi kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian dengan had jumlah saraan RM4,000 sebulan.

“Langkah ini menggalakkan pembabitan golongan warga emas terus menyumbang ke-



Potongan cukai tambahan juga dicadangkan diberi kepada majikan ke atas

menjadi negara tua menjelang 2030, dengan 15 peratus daripada penduduk dijangka membabitkan warga emas.

Selain itu, katanya, kementerian merancang melaksanakan projek rintis mewujudkan ‘bandar mesra usia’ dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

“Tujuan utama projek ini menggalakkan pembabitan penduduk dalam perancangan tempatan dan mewujudkan persekitaran mesra warga emas.

“Projek ini selaras saranan Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas Menjelang 2030 yang dilaksanakan tahun lalu untuk memnerkasa nera-

Bcaruman mandatori Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi majikan untuk warga emas akan dikurangkan kepada empat peratus, berbanding enam peratus ketika ini.

Itu satu daripada empat inisiatif dicadangkan kerajaan dalam mempersiapkan negara menghadapi pertambahan jumlah rakyat Malaysia berusia 60 tahun ke atas dan menjadi negara tua menjelang 2030.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan

pada pembangunan negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bakal gubal akta

Dr Wan Azizah berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga akan menggubal akta khusus bagi warga emas dalam masa terdekat, bagi melindungi kebajikan dan hak asasi mereka serta mewujudkan sistem sokongan diperlukan.

Beliau berkata, ia sebagai persiapan apabila Malaysia bakal

perbelanjaan
penggajian
dengan had
jumlah saraan
RM4,000 sebulan”

**Dr Wan Azizah
Wan Ismail,**
Timbalan Perdana Menteri

nan kerajaan tempatan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas,” katanya.

Dr Wan Azizah berkata, kerajaan akan menubuhkan 29 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi memperkasa warga emas dalam komuniti, dengan RM3 juta diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Katanya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan memberi keutamaan mewujudkan PAWE di mana-mana kawasan Parlimen yang belum mempunyai pusat aktiviti berkenaan.